

**Muhyiddin Gesa Firma Malaysia, Thailand Ambil Peluang Daripada FTA  
Bernama  
23 Aug, 2013**

BANGKOK, 23 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin telah menyeru syarikat Malaysia dan Thailand mengambil peluang daripada perjanjian dagangan bebas (FTA) Asean untuk bersama-sama meneroka peluang pelaburan di China, India, Korea Selatan dan ekonomi-ekonomi pesat membangun di Asean.

"Cabarannya sekarang ialah kepantasan dan keberkesanan perusahaan Malaysia mewujudkan kolaborasi dan kerjasama untuk menubuhkan 'perkongsian strategik'," katanya pada mesyuarat meja bulat dengan ketua-ketua industri dari Malaysia dan Thailand.

Beliau berkata ini penting apabila tiba masanya untuk meraih manfaat yang lebih besar hasil perjanjian dagangan mega serantau dengan rakan kongsi perjanjian dagangan bebas sedia ada (Australia, China, India, Jepun, Korea Selatan dan New Zealand) menerusi Perkongsian Ekonomi Menyeluruh Serantau.

Inisiatif integrasi ekonomi serantau telah memanfaatkan Asean, katanya.

"Hari ini, dagangan sesama Asean telah membangun kukuh tahun-tahun lepas untuk mencecah US\$601 bilion, atau 26 peratus daripada jumlah dagangan Asean.

"Asean telah menjadi satu daripada wilayah yang berjaya menarik pelaburan terus asing (FDI) dan pada 2012, aliran FDI ke Asean mencecah US\$108 bilion," katanya.

Muhyiddin berkata pelaburan sesama Asean mewakili US\$20 bilion, atau 18.5 peratus, daripada jumlah aliran FDI ke rantau itu.

"Ini menggambarkan bahawa Asean sendiri adalah pasaran yang besar untuk pelabur Asean," katanya.

Beliau berkata Malaysia menggalakkan syarikat Thailand untuk melabur di Malaysia.

Pelaburan Malaysia di Thailand berjumlah US\$552.7 juta pada 2012 (2011: US\$308.8 juta), sementara pelaburan Thailand di Malaysia tahun lepas adalah US\$343.2 juta (2011: US\$396 juta).

Muhyiddin berkata dagangan dua hala terus berkembang di sebalik cabaran ekonomi dunia dan tahun lepas, ia meningkat 5.4 peratus kepada US\$24 bilion.

"Jika trend ini berterusan, kedua-dua negara boleh mencapai sasaran US\$25 bilion menjelang 2015 seperti yang dibayangkan oleh kedua-dua perdana menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak dan Yingluck Shinawatra) pada Rundingan Tahunan ke-5 yang diadakan pada 28 Feb, 2013," katanya.

Beliau berkata Malaysia digalakkan oleh kemajuan yang dicapai di bawah Segi tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand.

Projek prasarana seperti pembesaran Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan Bukit Kayu Hitam ICQS dan jambatan di kawasan Takbai-Pengkalan Kubor dan

Sungai Golok-Rantau Panjang akan mendorong pertumbuhan ekonomi di kawasan sempadan itu, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=972283>